

Pembangunan 'istibdal' harta wakaf elak pembaziran aset



Pusat Pengajian
Perniagaan Islam,
Kolej Perniagaan,
Universiti Utara
Malaysia

Oleh Prof. Madya Dr. Hydulkifli Hashim
bhnews@bh.com.my

Wakaf adalah antara persoalan mengenai pengurusan harta atau aset unik dalam Islam. Harta diwakafkan adalah untuk kebajikan umum atau kebajikan khusus ditetapkan pewakaf.

Daripada pengertian ini, jelas menunjukkan harta hendak diwakafkan hendaklah memberi manfaat untuk kegunaan ramai serta bernilai seperti bangunan masjid, sekolah dan hospital, di samping kepentingan ketenteraan negara.

Di sini terdapat dua perkara asas perlu ada untuk melaksanakan ibadah wakaf, iaitu:

i. Menahan serta menjaga aset diwakafkan daripada hilang atau rosak ('Tahbis al-Fasil').

ii. Mengagih atau menyalurkan agihan manfaat kepada penerima wakaf ('Tasbil al-thamamah').

Dalam ilmu wakaf, terdapat kaedah dipanggil 'al-istibdal' atau perpindahan atau pertukaran milikan kekayaan (harta) daripada individu kepada individu lain dengan cara penyerahan serentak pada waktu sama ('al-bay' al-najiz') atau secara penangguhan serahan barangan oleh seorang daripada mereka yang berakad ('al-bay' al-nasi'ah').

Perpindahan harta wakaf dengan kaedah selain daripada dua kaedah ini seperti 'al-hibah' dan 'al-mirath' tidak dikategorikan sebagai 'al-istibdal'.

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan memutuskan wakaf gantian (wakaf istibdal) bermaksud 'menukar harta wakaf dengan harta lain melalui jualan atau belian atau sebagainya dengan tujuan mengekalkan harta wakaf terbit' dan kaedah ini diharuskan di sisi syarak.

Kalimah 'istibdal' adalah proses pembelian fizikal barang atau harta lain dengan tujuan menjadikannya sebagai harta wakaf baharu bagi menggantikan harta wakaf yang dijual melalui proses 'ibdal'.

Ganti harta wakaf

Proses penggantian harta wakaf boleh dilakukan dalam beberapa bentuk kaedah mengikut kesesuaiannya seperti di bawah:

i. Proses penggantian tanah wakaf dengan tanah lain untuk dijadikan sebagai tanah wakaf. Contohnya, pembelian tanah baharu menggunakan hasil jualan tanah wakaf untuk tujuan wakaf.

ii. Proses penggantian nilai tanah wakaf dengan wang tunai. Contohnya, sebidang tanah wakaf dijual dan hasil jualan digunakan untuk membangunkan tanah wakaf lain.

iii. Proses penggantian bercampur. Ia proses penggantian dilakukan dengan penjualan sebahagian tanah wakaf untuk mendapatkan dana bagi membangunkan tanah wakaf itu sendiri.

Pada hakikatnya, segala harta tidak boleh dijual kecuali ketika harta itu dalam keadaan darurat atau terdapat masalah umum atau apabila pewakaf mensyaratkan kepada pemegang amanah wakaf supaya berbuat demikian.

Permasalahan pengurusan harta wakaf timbul apabila pewakaf mengehaskan harta diwakafkan digunakan untuk tujuan tertentu sahaja (wakaf khas) seperti dijadikan tapak masjid atau apa juga dikhususkan pewakaf.

Dalam situasi ini, nazir memainkan peranan untuk menilai keadaan harta itu sama ada ia dapat mendatangkan manfaat atau tidak.

Sekiranya harta wakaf terbit tidak dapat mendatangkan manfaat umum, nazir perlu membuat

“Segala harta wakaf tidak boleh dijual kecuali ketika harta itu dalam keadaan darurat atau terdapat masalah umum atau apabila pewakaf mensyaratkan kepada pemegang amanah wakaf supaya berbuat demikian”

penggantian terhadap harta wakaf itu walaupun pewakaf memberikan syarat supaya tidak dibuat penggantian.

Namun, harta wakaf tidak boleh diwarisi, tidak boleh dijual dan dibeli selepas ia menjadi harta wakaf, akan tetapi sekiranya harta itu menjadi tidak produktif (terbiar tanpa membawa manfaat kepada masyarakat) atau tanah diwakafkan bersaiz kecil dan dikelilingi bakal bangunan bangunan pencakar langit hendak dimajukan, atau pembangunan kawasan itu terbantut disebabkan tanah wakaf kecil, maka penggunaan kaedah istibdal dibenarkan dan diharuskan.

Harta wakaf boleh dijual dan dibeli apabila terdapat dua permasalahan iaitu apabila berlaku darurat sehingga tanah wakaf tidak dapat digunakan lagi. Contohnya tanah wakaf berada dalam tapak projek membina empangan. Sekiranya tidak dilakukan proses istibdal maka tanah wakaf itu akan berada dalam air dan tidak berguna lagi.

Terdapat masalah umum terhadap harta wakaf

secara kaedah istibdal iaitu, fatwa mengatakan menukar harta wakaf dengan harta lain melalui jualan atau belian atau sebagainya dengan tujuan mengekalkan harta wakaf. Kaedah ini diharuskan di sisi syarak.

Penukaran harta itu berlaku dengan proses penjualan harta wakaf dan pembelian aset wakaf baharu dengan menggunakan wang diperoleh hasil penjualan harta wakaf sebelumnya serta disyaratkan harta gantian baharu itu hendaklah lebih baik daripada harta wakaf sebelumnya.

Keadaan darurat

Syarat kedua membolehkan penggantian terhadap harta wakaf dilakukan apabila harta wakaf itu berada dalam keadaan darurat.

Pengertian darurat terhadap tanah wakaf bermaksud, tanah terbit tidak dapat digunakan lagi secara keseluruhan. Menerusi kuasa dimiliki nazir wakaf, tanah wakaf itu diharuskan dibuat penggantian dengan tanah wakaf baharu menggunakan kaedah 'al-istihsan'.

Ulama mazhab Maliki, Shafie dan Hambali membahagikan jenis harta wakaf untuk proses istibdal kepada dua bahagian, pertama ialah wakaf harta boleh alih (al-manqul) dan kedua, wakaf harta tetap (ghayru al-manqul atau al-aqar).

Ketiga-tiga mazhab bersepakat mengharuskan penggantian harta wakaf boleh alih (al-manqul) apabila terdapat kerosakan terhadap harta wakaf itu.

Namun begitu, terdapat sedikit perbezaan pandangan antara ahli fiqh sekiranya harta wakaf itu berupa harta tetap yang mana mazhab Maliki dan Hambali mengharuskan proses 'istibdal' dilakukan terhadap harta wakaf tetap.

Sebagai kesimpulan, setiap harta wakaf patut dibangunkan supaya tidak berlaku pembaziran aset. Pembangunan terhadap harta wakaf ini boleh dilaksanakan dengan cara 'istibdal' sekiranya harta wakaf itu boleh memberi manfaat kepada masyarakat.

Hal ini bersesuaian dengan kaedah fiqh disarankan Ibn Taymiyah dalam menangani isu pembaziran harta, iaitu ia suatu kaedah perlu diamalkan individu Muslim untuk memanfaatkan perbelanjaan harta termasuk memartabatkan harta wakaf di Malaysia.

Tanah wakaf turut
dijadikan lokasi
pembinaan masjid
di kawasan tertentu.
(Foto hiasan)

